

25/02/1997

MSC percepat Malaysia jadi negara industri

M Noh Senan; Kamal Ahmad

PEMBANGUNAN Koridor Raya Multimedia (MSC) akan mempercepat lagi usaha Malaysia untuk muncul sebagai negara perindustrian.

Ini berikutan projek itu berupaya memperluaskan peluang dalam industri teknologi maklumat yang pada masa ini sedang pesat berkembang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata di bawah projek MSC, kerajaan menawarkan pakej menarik bagi kegiatan dalam teknologi maklumat dan pembangunan logistik infrastruktur. Dasar pengawalan, insentif dan persekitaran yang secukupnya turut diwujudkan bagi menjayakan projek itu.

Teras masa depan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP 2) juga tertumpu kepada pengilangan semi konduktor dan komponen, elektronik digital, peralatan dan kelengkapan profesional, kelengkapan industri dan perisian multimedia, kata Dr Mahathir ketika berucap merasmikan pembukaan Kompleks Bersepadu Samsung Electronics di Kawasan Perindustrian Senawang, Seremban, semalam.

Pada masa ini, industri elektronik keseluruhannya berasaskan kepada pembuatan semi konduktor dan komponen lain, komputer dan perkakasan kelengkapan telekomunikasi, barang elektronik pengguna, kelengkapan elektrik dan peralatan elektrik industri.

Dr Mahathir berkata, PIP2 bertujuan mencapai ekonomi Manufacturing Plus Plus. Bagi membolehkan terus berdaya saing, negara sedang beralih daripada industri berintensifkan buruh dan memberi tumpuan kepada industri berteknologi dan bernilai tambah yang tinggi. Ia berintensifkan kepakaran dan modal yang mana penyelidikan dan pembangunan (R&D) menjadi komponen yang penting dalam fasa pembangunan baru itu.

Menurutnya, industri elektronik dan elektrik terus menjadi subsektor utama dalam sektor perkilangan dari segi keluaran, eksport dan guna tenaga.

Dalam tempoh penggal kedua Pelan Induk Perindustrian Pertama (PIP1 1991-1995), sektor itu mencatatkan purata pertumbuhan keluaran 30.7 peratus setahun.

Sumbangannya kepada eksport dan guna tenaga masing-masing mencatatkan pertumbuhan purata 30.1 peratus dan 16.8 peratus.

Pada masa yang sama, industri itu menjadi sektor utama dari segi bilangan projek yang diluluskan dan juga menduduki tempat teratas dari segi jumlah modal pelaburan yang diluluskan.

"Pada tahun lalu, sebanyak 215 projek diluluskan di dalam sektor itu, iaitu 27 peratus daripada 782 projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

"Projek yang diluluskan membabitkan jumlah modal pelaburan bernilai RM13 bilion dalam sektor perkilangan.

"Pelaburan langsung asing berjumlah RM9.2 bilion atau 71 peratus manakala pelaburan tempatan RM3.9 bilion atau 29 peratus," kata Dr Mahathir.

Menurutnya, pelaburan Korea naik mendadak sejak 1988 walaupun tidak setinggi Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat dan Singapura.

Sehingga akhir tahun lalu, 235 projek membabitkan pelaburan Korea bernilai RM4.6 bilion sudah diluluskan bagi sektor perkilangan.

Kebanyakan pelaburan Korea, kata Dr Mahathir, sektor keluaran barangan bukan logam, keluaran elektrik dan elektronik, kayu dan barangan kayu, barangan getah dan bahan kimia.

Tahun lalu saja, 18 projek dengan penyertaan modal dari Korea bernilai RM644.3 juta sudah diluluskan bagi sektor perkilangan dan enam daripadanya projek elektrik dan elektronik bernilai RM17.3 juta.

(END)